

09/08/1998

Insurans bantu pulih ekonomi

LANGKAWI: Perdana Menteri berkata pengambilan insurans hayat menguntungkan bukan sahaja kepada penyimpan sebagai pendapatan tambahan selepas bersara tetapi juga membantu usaha memulihkan ekonomi negara.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ini juga selaras dengan usaha kerajaan menggerakkan tabungan bagi memastikan pembangunan yang sihat untuk ekonomi negara.

Beliau berkata, walaupun negara ada menyediakan skim pencen untuk kakitangan kerajaan dan menggalakkan pekerja menyimpan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), masih ada cara lain untuk menyimpan.

"Adalah penting bagi rakyat memastikan diri mereka mengambil insurans, jadi sebaik bersara mereka mendapat pendapatan tambahan daripada polisi insurans.

"Saya berpendapat mereka yang terbabit dalam bidang ini menjalankan kerjanya dengan baik sekali," katanya ketika merasmikan Persidangan Kongres Insurans Hayat Tionghua Sedunia Kedua di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat, malam tadi.

Lebih 5,000 wakil insurans dari Taiwan, China, Hong Kong, Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia dan negara tuan rumah, Malaysia menghadiri persidangan peringkat dunia bermula hari ini. Kongres pertama diadakan di Taiwan, dua tahun lalu.

Pertemuan tiga hari itu akan membincangkan pelbagai topik berkaitan insurans hayat, antaranya prospek insurans hayat berikutan perkembangan semasa ekonomi di rantau ini.

Dr Mahathir berkata, menyimpan menerusi insurans hayat adalah lebih baik berbanding simpanan tetap kerana ia dapat menggalakkan rakyat menyimpan untuk jangka masa lebih lama.

Di pihak kerajaan, kata beliau, insentif cukai diberikan kepada rakyat yang membeli polisi kerajaan.

"Walaupun kerajaan mungkin kehilangan sedikit cukai, simpanan itu boleh digunakan untuk membiayai pembangunan dan menggerakkan lebih banyak wang dalam negara," katanya.

(END)